

JABATAN KORPORAT  
TARIKH: 21.02.2025 MASA: 11.00AM

**MUKTAMAD**



## **MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### **TEKS UCAPAN**

**YANG BERUSAHA TUAN MOHD IBRAHIM BIN MD NOR  
SETIAUSAHA BANDARAYA  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### **SEMPENA**

**MAJLIS PERASMIAN PENUTUP  
SESI *OUTREACH PEMULIHARAAN WARISAN SURAU*  
LAMA KUBANG SEMANG, PENANTI**

### **TARIKH / MASA / TEMPAT**

**22 FEBRUARI 2025 (SABTU)**

**10.30 PAGI**

**SURAU LAMA KUBANG SEMANG  
SEBERANG PERAI TENGAH**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Bersama-sama marilah kita merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, kita dapat berkumpul pada pagi yang penuh bermakna ini dalam **Majlis Perasmian Penutup Sesi Outreach Pemuliharaan Warisan Surau Lama Kubang Semang, Penanti**. Kehadiran kita semua pada hari ini mencerminkan komitmen dan kedulian terhadap pemeliharaan warisan budaya serta institusi keagamaan yang menjadi tunjang masyarakat.

Sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah Al-Hajj, ayat 32:

الْفُلُوبِ تَقْوَىٰ مِنْ فَإِنَّهَا أَللَّهُ شَعِيرٌ يُعَظِّمُ وَمَنْ ذَلِكَ

"Demikianlah (ajaran Allah); dan sesiapa yang mengagungkan syiar-syiar Allah, maka sesungguhnya ia adalah dari ketakwaan hati."

2. Terlebih dahulu, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yayasan Islam Pulau Pinang, Pejabat Pesuruhjaya Warisan Negeri Pulau Pinang, Ahli Majlis Kawasan, Pejabat Penyelaras KADUN serta MPKK Kubang Semang yang telah bekerjasama erat dengan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dalam menjayakan

program ini. Sesungguhnya, usaha kolektif ini membuktikan kesepadan dan kesungguhan semua pihak dalam memastikan kelestarian khazanah warisan Islam di Seberang Perai.

3. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada semua yang turut hadir bersama-sama bagi menjayakan majlis ini.
4. Seperti yang kita sedia maklum, Surau Lama Kubang Semang atau dikenali sebagai Surau Tuan Guru Haji Mahmud Taib bin Haji Mahmud Ali merupakan sebuah mercu tanda sejarah yang amat berharga. Dibina pada tahun 1910 oleh tukang kayu dan pengukir tersohor, Haji Mahamed Sopian bin Haji Abdul Wahab, surau ini bukan sahaja memiliki nilai seni bina tradisional Melayu yang unik tetapi juga menjadi pusat ibadah dan pengajian agama sejak sekian lama. Namun, surau ini telah terbiar dan mengalami kemerosotan fizikal tanpa pemuliharaan yang sewajarnya.
5. Justeru, inisiatif Yayasan Islam Pulau Pinang yang bermula sejak Mac 2022 untuk menghidupkan kembali fungsi surau ini amatlah dipuji. Melalui pelbagai usaha termasuk mendapatkan kebenaran pemilik tanah dan mengaktifkan kembali surau ini dengan program seperti Kelas KAFA Menengah, kita dapat melihat sinar baharu dalam pemeliharaan institusi keagamaan yang bersejarah ini.
6. Program *Outreach* Pemuliharaan Warisan ini digerakkan dengan beberapa objektif utama, antaranya:

- a) Meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan pemuliharaan surau lama sebagai khazanah warisan Islam dan budaya tempatan;
  - b) Mendokumentasikan sejarah serta nilai warisan surau ini sebagai rujukan bagi generasi akan datang; dan
  - c) Menggalakkan penglibatan aktif komuniti dalam usaha pemuliharaan agar masyarakat setempat turut merasai tanggungjawab bersama dalam mengekalkan kelestarian warisan ini.
7. Sepanjang program ini berlangsung, pelbagai aktiviti telah dijalankan seperti kerja mengecat dan pembersihan kawasan sekitar surau, pertandingan mewarna kanak-kanak, pameran sejarah, demonstrasi makanan tradisional, bengkel tulisan kaligrafi serta cabutan bertuah. Usaha ini bukan sahaja memberi nilai tambah kepada pemuliharaan fizikal surau tetapi turut memperkuuh hubungan silaturahim dalam komuniti setempat.
8. Selari dengan misi Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang menekankan pembangunan mampan serta pemeliharaan warisan budaya, MBSP amat mengalu-alukan lebih banyak inisiatif seperti ini. Harapan saya agar usaha murni ini tidak terhenti di sini, sebaliknya diteruskan dengan lebih banyak program yang memperkasa kesedaran dan penglibatan masyarakat dalam melestarikan warisan kita.

9. Saya menyeru agar seluruh masyarakat terus bersama-sama memainkan peranan dalam menjaga dan memelihara warisan yang kita miliki. Surau Lama Kubang Semang bukan sekadar bangunan, tetapi ia adalah simbol keutuhan sejarah, budaya dan keagamaan yang perlu dipertahankan. Mudah-mudahan usaha ini mendapat keberkatan dan rahmat daripada Allah SWT.

Sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah At-Taubah, ayat 18:

أُولَئِكَ فَعَسَى اللَّهُ إِلَّا يَحْشَنَ وَلَمْ أَرْزُكُوهُ وَعَاتَى الصَّلَاةَ وَأَقَامَ الْآخِرَ وَالْيَوْمَ بِاللَّهِ ءَامِنٌ مَّنْ أَنْتَ مَسِيحٌ يَعْمَلُ إِنَّمَا  
الْمُهَنَّدِينَ مِنَ يَكُونُوا أَنْ

"Hanya yang memakmurkan masjid-masjid Allah ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan Hari Akhirat serta tetap mendirikan solat, menunaikan zakat dan tidak takut (kepada sesuatu) melainkan kepada Allah, maka mudah-mudahan mereka menjadi golongan yang mendapat petunjuk."

10. Alhamdulillah dan insya-Allah, dalam beberapa hari lagi, kita akan menyambut bulan Ramadan Al-Mubarak, bulan yang penuh keberkatan dan keampunan. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat menunaikan ibadah puasa kepada semua. Semoga Ramadan kali ini membawa keberkatan, mendidik hati dan jiwa kita untuk terus memperkuatkan nilai-nilai murni, serta meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT.

11. Dengan lafaz ***Bismillahirrahmanirrahim***, saya dengan ini merasmikan Majlis Penutup Sesi Outreach Pemuliharaan Warisan Surau Lama Kubang Semang, Penanti.

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.***